

08 JAN 2002

Tajol-Peruntukan

KARENAH BIROKRASI BUKAN PUNCA LEWAT BELANJA PERUNTUKAN, KATA MB PERAK

IPOH, 8 Jan (Bernama) -- Kelewatan penyaluran peruntukan dan tempoh singkat untuk membelanjakannya merupakan antara punca peruntukan pakej rangsangan fiskal yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya.

Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata karenah birokrasi bukanlah punca sebenar tetapi kelambatan negeri-negeri memperolehi peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

"Misalnya, peruntukan diluluskan Oktober tetapi kita hanya dapat pada bulan November. Antara masa Menteri Kewangan lulus dan masa kita terima duit itu yang jadi masalah," katanya selepas menghadiri majlis Hari Raya anjuran Pemuda Umno Perak di Sekolah Kebangsaan Jalan Baharu, Kuala Kurau berhampiran sini hari ini.

Tajol Rosli berkata, berikutan kelewatan itu, negeri-negeri hanya mempunyai kira-kira dua bulan untuk merancang dan menyiapkan sesuatu projek.

"Jadi yang kita boleh buat ialah projek jalan...itu yang paling cepat. Tapi timbul masalah juga kerana hendak dapatkan batu dan jentera untuk begitu banyak projek jalan dalam masa singkat," tambah beliau.

Beliau mengulas ketidakpuas hati Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berikutan RM7.48 bilion peruntukan pembangunan sepanjang tahun lalu belum dibelanjakan.

Dr Mahathir berkata, hanya 87 peratus daripada RM28.4 bilion untuk perbelanjaan pembangunan bagi 2001 dan 50 peratus daripada peruntukan RM7.3 bilion pakej rangsangan fiskal khusus untuk dibelanjakan sebelum 31 Dis lalu, dibelanjakan.

Tajol Rosli juga berkata, negeri-negeri turut menerima tambahan RM2 juta setiap satu untuk membina gerai-gerai daripada kerajaan persekutuan.

"Sebab itulah Perak meminta sehingga 15 Feb untuk menyiapkan semua projek. Tetapi kita mahu berterima kasih kepada Menteri Kewangan yang meluluskan peruntukan yang begitu banyak kepada negeri-negeri tahun lalu," katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri menghargai usaha Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan tambahan itu tetapi berharap perancangan lebih awal dibuat supaya wang untuk dibelanjakan diterima awal.

-- BERNAMA

AR FAZ